



Mengekalkan Bahasa Ibunda Keluarga Anda

Mengekalkan bahasa ibunda keluarga anda membentuk asas bagi semua perkembangan bahasa di kemudian hari. Anak anda boleh menguasai berbilang bahasa dengan mudah apabila mereka mempunyai peluang untuk melihat, mendengar dan berkomunikasi dengan model bahasa yang kuat.

Pakar-pakar Perkembangan Awal Kanak-kanak di Victoria dipandu oleh *Rangka Kerja Pembelajaran dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Victoria (Victorian Early Years Learning and Development Framework)*, VEYLDF) Rangka kerja ini mengiktiraf kepelbagaian bahasa sebagai satu aset dan mewujudkan jangkaan bahawa kanak-kanak akan disokong untuk mengekalkan bahasa ibunda keluarga mereka, mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa tambahan, dan belajar bahasa selain bahasa Inggeris semasa menghadiri Program Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak (VEYLDF, 2016).

Ada banyak manfaat bagi anak anda dalam mengekalkan dan meneruskan perkembangan bahasa ibunda mereka:

- Anak anda boleh mengembangkan fleksibiliti dan perkembangan kognitif mereka melalui penggunaan bahasa ibunda anda.
- Pengekalan bahasa ibunda anda adalah penting bagi hubungan kekeluargaan, mencipta perkaitan dan rasa kekitaan.
- Bahasa ibunda tidak dapat dipisahkan daripada identiti, budaya dan kesejahteraan anak anda.
- Kefasihan dalam bahasa ibunda menyokong anak anda untuk belajar bahasa tambahan seperti bahasa Inggeris.

VEYLDF (2016) menerangkan kepada pendidik bahawa 'kebolehan dan pengekalan bahasa pertama atau bahasa ibunda mempunyai peranan yang penting dan berterusan dalam pembinaan identiti' (m/s 18). Oleh itu, satu komponen penting dalam menyokong perkembangan bahasa Inggeris sebagai bahasa tambahan adalah bagi pendidik dan keluarga terlibat dalam kerjasama perkongsian bagi menggalakkan dan menyokong kanak-kanak mengekalkan dan meneruskan perkembangan bahasa ibunda mereka.

Membangunkan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Tambahan dalam Persekitaran Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak

Anak anda akan mempunyai banyak peluang untuk belajar bahasa Inggeris dalam persekitaran Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak Victoria. Penyelidikan

membuktikan kepada kami bahawa 'kanak-kanak boleh belajar bahasa Inggeris (atau bahasa lain) dengan lebih berjaya sebagai bahasa tambahan melalui pendedahan terhadap bahasa tersebut, pemodelan eksplisit dan pengajaran bahasa, serta masa yang wajar untuk menguasai bahasa baharu itu' (VEYLDF, 2016, pg. 22).

Mengetahui satu bahasa boleh membantu kanak-kanak memahami cara bahasa berfungsi. Kemahiran yang dibentuk oleh kanak-kanak dalam satu bahasa boleh dipindahkan ke bahasa baharu. Melalui bahasa ibunda, kanak-kanak boleh memahami bahasa baharu, peraturan dan perbendaharaan katanya. Apabila anak anda asyik dalam persekitaran bahasa Inggeris, mereka akan berpeluang mendengar bahasa Inggeris dalam banyak konteks berbeza. Mereka akan ingin turut serta dan bermain dengan kanak-kanak lain dan pendidik pula menyediakan model yang baik serta banyak peluang kepada anak anda mendengar dan berlatih bahasa Inggeris.

Kemahiran bahasa berkembang pada kelajuan yang sesuai dengan pengalaman bahasa sebelumnya, pendedahan kepada bahasa baharu dan persekitaran baharu tempat mereka belajar. Kanak-kanak yang belajar pelbagai bahasa pada masa yang sama mungkin, untuk suatu tempoh masa, bertutur dalam satu bahasa lebih kerap berbanding bahasa lain. Pada peringkat awal, kanak-kanak mungkin mencampuradukkan bahasa-bahasa ini apabila bertutur. Mereka mungkin tahu perkataan tertentu dalam satu bahasa dan tidak dalam bahasa lain. Untuk mengekalkan kelancaran perbualan, mereka menggunakan perkataan yang mereka tahu. Ini ialah kemahiran yang biasa dan fleksibel yang dibina oleh kanak-kanak apabila mereka menggunakan bahasa merentasi konteks kepelbagaian bahasa.

Ingat...

Kefasihan perbualan dalam bahasa baharu mengambil masa untuk berkembang dan kanak-kanak memerlukan masa dan sokongan tanpa tekanan daripada orang dewasa di sekeliling mereka semasa mereka melalui proses pembelajaran bahasa tambahan.

Kanak-kanak mempunyai Hak untuk menggunakan dan belajar bahasa ibunda mereka (UNCRC, 1989).

Rujukan

Department of Education and Training, 2016. *Victorian Early Years Learning and Development Framework*.

UNICEF, 1989. *United Nations Convention on the Rights of the Child* (UNCRC).